



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

01 APRIL 2025 (SELASA)

Arnab, hamster terperangkap dalam rumah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Nasional	4	1 April

Penduduk dibenar pulang ambil barang, binatang peliharaan

Oleh Raja Noraina Raja Rahim



PENDUDUK beratur menunggu giliran untuk masuk ke kediaman masing-masing bagi mengambil barang dan binatang ternakan. FOTO NSTP.

Subang Jaya: Penduduk yang terjejas akibat kebakaran saluran paip gas di Putra Heights dibenarkan pulang sementara ke kediaman masing-masing bagi mengambil barang peribadi mereka.

Mereka yang ingin masuk ke kawasan perumahan di Jalan Putra Harmoni itu perlu terlebih dahulu mendaftar dengan pihak berkuasa sebelum diberi kebenaran.

Penduduk yang enggan dikenali berkata, dia tinggal di blok C dan sempat melarikan diri pagi tadi dengan sedikit barang peribadi, sebaik melihat api marah berhampiran kediamannya.

"Ada beberapa rumah yang berdekatan turut terbakar termasuk kereta namun mujur saya sempat melarikan diri.

"Kami hanya dibenarkan masuk sementara sahaja dan dalam dua minggu ini saya terpaksa menumpang di rumah saudara," katanya ketika ditemui sedang beratur menunggu giliran dibenarkan masuk di lokasi kejadian malam ini.

Difahamkan ada yang ingin masuk bagi mengambil binatang peliharaan dan dokumen lain termasuk ubat-ubatan.

Terdahulu, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Nor Hisham Mohammad berkata, kebakaran berjaya dipadam sepenuhnya pada 3.45 petang tadi dengan kekuatan 325 anggota dari 11 agensi.

Menurutnya, setakat ini, sebanyak 227 rumah terjejas iaitu 78 daripadanya musnah terbakar.

[Maklumat terkini kebakaran saluran gas di Putra Heights](#)

Disiarkan pada: April 1, 2025 @ 8:10pm

Kebakaran paip gas: Persatuan Haiwan Malaysia tawar khidmat jagaan sementara secara percuma

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Online	-	1 April

Kebakaran paip gas: Persatuan Haiwan Malaysia tawar khidmat jagaan sementara secara percuma

Bernama
01/04/2025 22:57 MYT



Presiden PHM Arie Dwi Andika berkata tawaran itu bermula esok hingga 8 April ini, melibatkan haiwan-haiwan kecil seperti kucing, arnab, burung, hamster, landak kecil dan musang peliharaan. - Gambar fail/Astro AWANI

KUALA LUMPUR: Persatuan Haiwan Malaysia (PHM) menawarkan perkhidmatan penjagaan haiwan peliharaan secara percuma selama tujuh hari kepada pemilik terjejas dalam kejadian kebakaran saluran gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Height, Subang Jaya, Selangor hari ini.

Presiden PHM Arie Dwi Andika berkata tawaran itu bermula esok hingga 8 April ini, melibatkan haiwan-haiwan kecil seperti kucing, arnab, burung, hamster, landak kecil dan musang peliharaan.

"Kesemua haiwan yang dinyatakan tadi akan diletakkan di tempat perlindungan Galeri Animal Malaysia di Jalan Ipoh di sini. Tempat perlindungan ini mempunyai Lesen Aktiviti Berhubung Dengan Tempat Kurungan dan Perlindungan Haiwan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia. "Haiwan milik mangsa kejadian kebakaran itu akan dijaga dan diurus selama tempoh berada di tempat perlindungan, dengan diberi makanan dan minum serta keperluan sewajarnya.

"Khidmat pengambilan dan penghantaran semula turut disediakan secara percuma dengan jadual pengambilan akan dikemas kini secara berkala oleh pengurusan tempat perlindungan," kata Arie kepada Bernama melalui pesanan WhatsApp.

Beliau berkata pemilik haiwan yang memerlukan khidmat jagaan sementara secara percuma itu boleh menghubungi pihaknya di talian 011-7124 5931.

Kebakaran saluran paip gas pagi tadi menggemparkan penduduk sekitar dengan ada menyifatkannya bagaikan satu bencana gempa bumi yang dahsyat.

-- BERNAMA

Empat cedera diserang anjing terlepas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Online	-	1 April

Empat cedera diserang anjing terlepas

Sinar Harian
01/04/2025 12:39 MYT



Salah seorang mangsa yang cedera digigit anjing dalam kejadian pada pagi Selasa. -Sinar Harian

BALING: Sekurang-kurangnya empat individu cedera selepas diserang dua ekor anjing yang mlarikan diri dari rumah pemiliknya di Taman Desa Bicara, Kuala Ketil pagi tadi.

Exco Kesihatan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Mansor Zakaria berkata, anjing tersebut adalah milik seorang penduduk tempatan dan dipercayai terlepas dari kandangnya sebelum menyerang orang awam. Menurutnya, insiden itu berlaku di luar sebuah surau, ketika mangsa secara tiba-tiba diserang oleh haiwan berkenaan.

"Orang ramai yang melihat kejadian cuba menghalau anjing itu, tetapi tidak berjaya sehingga hal pemiliknya tiba untuk mengawal keadaan dan menuntut semula haiwan terbabit," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Kejadian itu menimbulkan kebimbangan penduduk setempat, yang kemudiannya bersemuka dengan pemilik anjing tersebut bagi mendapatkan penjelasan.

Mansor berkata, pihak berkuasa telah dimaklumkan mengenai insiden terbabit dan akan mengambil tindakan lanjut bagi memastikan kejadian serupa tidak berulang pada masa akan datang.

Penduduk sekitar juga berharap agar kawalan terhadap haiwan peliharaan lebih diperketatkan bagi mengelakkan risiko keselamatan kepada orang awam. -*Sinar Harian*

Anjing serang penduduk: Pernah ada sejarah serang orang dua tahun lalu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Online	-	1 April

Anjing serang penduduk: Pernah ada sejarah serang orang dua tahun lalu



Dua anjing Rottweiler yang menyerang lima individu di Taman Desa Bidara, Kuala Ketil di sini, hari ini mempunyai sejarah kejadian serangan orang kira-kira dua tahun lalu.

Baling: Dua anjing Rottweiler yang menyerang lima individu di Taman Desa Bidara, Kuala Ketil di sini, hari ini mempunyai sejarah kejadian serangan orang kira-kira dua tahun lalu.

Pegawai Daerah Baling Yazlan Sunardie Che Yahaya berkata, berdasarkan semakan awal anjing sama pernah terbabit dalam insiden serangan pada 2023 yang menyebabkan seorang lelaki cedera.

Menurutnya, susulan itu beliau mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Majlis Perbandaran Baling (MDB) bersama polis untuk menjalankan siasatan.

"Saya dimaklumkan anjing sama terbabit dalam serangan yang dilaporkan pada 2023 membabitkan mangsa di Kuala Ketil.

"Saya dimaklumkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, MDB dan polis akan menjalankan siasatan lanjut," katanya ketika dihubungi hari ini.

Yazlan berkata, walaupun pemilik mempunyai lesen untuk memelihara Rottweiler terbabit, baka itu tidak dibenarkan dipelihara di kawasan perumahan.

Katanya, berdasarkan maklumat awal, Rottweiler dilesenkan untuk premis perniagaan oleh pemiliknya.

"Oleh itu, kita akan menyiasat mengapa mereka disimpan di rumah itu.

"Kami dimaklumkan bahawa anjing itu terlepas dari kurungan sebelum menyerang penduduk sekitar.

"Itulah sebabnya saya sudah mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk menyiasat pengendalian anjing dan ambil tindakan terhadap pemiliknya," katanya.

Yazlan berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak mempunyai kuasa untuk bertindak terhadap anjing berlesen kerana bidang kuasanya hanya meliputi anjing liar.

Beliau akan memanggil pemilik anjing terbabit untuk memutuskan sama ada anjing itu perlu dipindahkan ke lokasi lain, diletakkan di bawah jagaan perlindungan haiwan atau ditidurkan berdasarkan garis panduan dan tindakan yang betul.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Baling Superintendant Azmi Mokhtar berkata, pihaknya menerima maklumat terdapat lima mangsa cedera akibat kejadian itu namun laporan polis masih belum diterima daripada mangsa setakat tengah hari ini.

Lima orang cedera digigit anjing di Baling

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Kini	Online	-	1 April

Lima orang cedera digigit anjing di Baling

Lima individu cedera selepas digigit dua anjing dalam kejadian di Taman Desa Bidara, Kuala Ketil dekat Baling awal pagi tadi.

Ketua Polis Daerah Baling Supt Azmi Mokhtar berkata namun pihaknya masih belum mengetahui tahap kecederaan dialami kesemua mangsa kerana mereka belum membuat laporan polis berikutan sedang menerima rawatan di Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani.

"Polis menerima maklumat berhubung kejadian kira-kira 5.45 pagi yang memaklumkan terdapat dua anjing berkeliaran dan menyerang beberapa individu di kawasan berkenaan. Beberapa anggota telah ke lokasi kejadian untuk mengawal keadaan dan berjumpa pemilik anjing itu.

"Pemilik lelaki yang berusia 69 tahun itu kemudiannya mengurung semula anjing-anjing berkenaan. Dia juga diarahkan untuk menyerahkan anjing berkenaan kepada pihak Veterinar Kulim untuk pemeriksaan dan dikuarantin," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Terdahulu, tular di media sosial yang memaparkan beberapa individu sedang dirawat dan dibawa menaiki ambulans selepas mengalami kecederaan akibat diserang dan digigit oleh dua anjing berwarna hitam.

Sementara itu, Pegawai Daerah Baling Yazlan Sunardie Che Yahya yang dihubungi Bernama memaklumkan beliau telah menerima aduan berhubung kejadian itu dan dipercayai melibatkan anjing jenis Rottweiler.

"Dimaklumkan beberapa individu terlibat dan tahap kecederaan masih belum pasti tapi melihat dari gambar yang tular agak parah. Disebabkan ini kes gigitan anjing berulang, saya minta Pejabat Veterinar untuk jalankan siasatan dan mengenakan tindakan sewajarnya kepada pemilik anjing itu.

"Pihak berkuasa tempatan (PBT) hanya boleh menangkap jika anjing itu berkeliaran dan tiada lesen tetapi dalam kes ini anjing itu bukan anjing liar tetapi anjing spesis ganas. Saya dimaklumkan haiwan itu anjing peliharaan di premis perniagaan tetapi dibela dan diletakkan di rumah pemilik," katanya.

Yazlan Sunardie berkata lagi beliau diberitahu bahawa anjing-anjing berkenaan telah terlepas daripada sangkar sebelum menyerang mangsa.

"Saya serahkan dahulu kepada Pejabat Veterinar dan saya akan berjumpa dengan pemiliknya untuk berbincang sama ada anjing itu perlu dibela di tempat perlindungan haiwan atau jika berbahaya perlu dilupuskan. Tetapi semuanya perlu dibuat mengikut garis panduan dan akta berkaitan," katanya.

- Bernama

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR